

AL-SYEIKH MUHAMMAD ABU ZAHRAH

RIBA

DAN HUKUMNYA



مجلس اكام اسلام دان عادة استعادة ملايو كلنتن

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN



al-Syeikh Muhammad Abu Zahrah

RIBA

DAN HUKUMNYA



Siri Penerbitan Percuma Bil. (61)

RIBA DAN HUKUMNYA

Saringan:
**Ustaz Abdul Halim Hassan,
Bindjai, SUMUT**

Disunting dan diselenggarakan oleh:
Abdul Razak Mahmud



**Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
2018**

Dikeluarkan oleh:
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan,
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang,
15200 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7481512
Faks: 09-7485512
Portal Rasmi: www.e-maik.my
Email: maik@e-maik.my

Cetakan pertama 2018

Dicetak oleh:
PERCETAKAN NIK DAUD
3512-N, Jalan Sultanah Zainab,
15050 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7483466, 013-9964575

PRAKATA

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, saya berpeluang menyelenggara penerbitan sebuah risalah kecil bertajuk “Riba dan Hukumnya” di bawah Siri Penerbitan Percuma MAIK untuk tatapan pembaca.

Risalah ini aslinya adalah sebuah tulisan dalam bahasa Arab karangan Syeikh Muhammad Abu Zahrah, seorang tokoh ulama’ pembaharu dan penulis besar Islam asal Mesir, dan pertama kali tersiar dalam majalah “Minbar al-Islam” (tidak dinyatakan tarikhnya). Terjemahan dalam bahasa Melayu ini telah diusahakan oleh Ustaz Abdul Halim Hasan, seorang ulama’ dan tokoh mubaligh dari Jam’iyyah al-Washliyyah, Medan, Sumatera Utara.

Saya merasa sukacita mengambil peluang menyunting semula terjemahan ini dari tulisan yang pernah tersiar dalam majalah *Pengasuh* bilangan 356, 357, 358 dan 359 (terbitan tahun 1967) dengan sedikit penyesuaian bahasa dan istilah, sekira-kira sesuai dengan langgam bahasa dan struktur ayat yang lazim dipakai di Malaysia.

Sekian. Semoga bermanfaat!

Majlis Agama Islam Kelantan
1 Oktober 2017

Abdul Razak Mahmud



Riba dan Hukumnya

Hukum mengharamkan riba ini terdapat di dalam al-Quran dan dalam Sunnah (hadith) Rasul. Ulama'-ulama' besar dari kalangan al-Salaf al-Shaleh pun telah sekata pula pada mengharamkannya. Begitu juga ulama' Mujtahidin yang datang di belakang mereka. Abad berganti abad, ijma' tersebut berlaku seperti biasa. Segenap hati orang mukmin telah rela dan tenang pula menerima hukum riba itu haram; yang jengkel dan ribut hanyalah orang yang berhati keras. Yang belakangan ini terkadang dengan cara berterus-terang, terkadang dengan cara mencari-cari helah, melanggar hukum tersebut.

Dasar mengharamkan riba itu menurut nas al-Quran al-Karim dapat diketahui dengan jelas dan tegas pada tiga tempat:

Pertama: Sewaktu Nabi masih di Makkah, di hadapan orang Arab Musyrikin, iaitulah yang tersebut dalam Surah ar-Rum ayat 39 yang mengatakan:

وَمَا آتَيْتُمْ مِّن رَّبًّا لِّيَرْبُوَ فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرْبُوا عِنْدَ اللَّهِ وَمَا آتَيْتُمْ مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ ﴿٣٩﴾

“Apa-apa yang kamu berikan daripada riba supaya menjadikan subur pada harta manusia, tidak akan menjadikannya subur pada sisi Allah; akan tetapi zakat-zakat yang kamu berikan untuk mengharapakan keredhaan Allah, maka merekalah orang yang akan beroleh pahala berlipat ganda”

Dalam ayat ini Tuhan masih dalam taraf menjelekkkan riba dan memujikan zakat. Dengan lain perkataan, secara umum Tuhan sudah memberikan hukum menyatakan haramnya riba itu. Hal demikian berlaku pada waktu Islam masih lemah, waktu Islam masih hidup di tengah-tengah masyarakat yang memperkembangkan sistem riba dalam erti yang seburuk-buruknya.

Kedua: Firman Allah dalam al-Quran Surah Ali Imran ayat 130 – 132;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُّضَاعَفَةً وَاتَّقُوا
اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾ وَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿١٣١﴾
وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٣٢﴾

“Wahai sekalian orang yang telah percaya! Jangan kamu makan riba itu ganda-berganda; takutlah kamu kepada Allah, moga-moga kamu beroleh kemenangan. Takutilah oleh kamu akan neraka yang telah dipersiapkan untuk sekalian orang yang kafir, dan patuhilah Allah dan RasulNya, moga-moga kamu dikasihinya”.

Kedua-dua ayat ini turun di Madinah. Di dalam ayat ini terdapat nas yang terus terang mengharamkan riba, disertai dengan penjelasan yang bersifat hukum positif, iaitu bahawa

riba itu mengandung penganiyaan yang sangat keras. Oleh kerana itu pelakunya akan ditempatkan di dalam neraka yang telah disediakan untuk sekalian orang yang kafir. Semua orang Arab yang mendengar ayat tersebut, walaupun di mana sahaja mereka berada, dapat memahami maksud ayat tersebut dengan jelas dan tegas. Demikianlah, iman itu menjadi batas yang memisahkan seseorang daripada memakan riba, kerana awal ayat dimulai dengan: “Hai sekalian orang yang telah percaya kepada Allah S.W.T”.

Ketiga: Firman Allah di dalam Surah al-Baqarah ayat 275-280 yang berbunyi:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي
يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ
الرِّبَا ۗ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن
رَّبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۖ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ
أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾ يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا
وَيُزِيلُ الصَّدَقَاتِ ۚ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴿٢٧٦﴾
ءَامِنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ لَهُمْ
أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٧﴾
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ
مُؤْمِنِينَ ﴿٢٧٨﴾ فَإِن لَّمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَإِن
تُبْتَغُوا فَلَئِمَّتْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ

“Adapun orang yang memakan riba itu tidak akan dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang digomoli syaitan, oleh kerana gilanya. Demikianlah, kerana

mereka mengatakan jual beli itu seperti riba; Allah telah menghalalkan jual-beli, tetapi Ia mengharamkan riba. Maka siapa yang menerima pengajaran daripada Tuhan lalu berhenti, maka tidak ada apa-apa yang sudah terjadi, keadaan itu terserah kepada Allah; tetapi siapa yang mengulanginya, mereka adalah penghuni neraka, di mana mereka akan kekal selama-lamanya. Allah akan menghapuskan riba dan menyuburkan sedekah-sedekah, dan Allah tidak menyukai sekalian orang kafir yang banyak dosa. Adapun sekalian orang yang telah percaya dan mendirikan sembahyang serta membayar zakat, maka mereka akan menerima pahalanya pada sisi Tuhannya, dan tidak akan ada ketakutan dan kesushan bagi mereka. Hai sekalian orang yang telah percaya kepada Allah! Takutlah kamu kepada Allah, tinggalkanlah sisa-sisa riba jika kamu percaya. Maka jika tidak kamu lakukan (ketentuan-ketentuan tersebut), ketahuilah akan adanya peperangan daripada Allah dan RasulNya; dan kalau kamu taubat, maka kamu boleh mendapat pokok harta kamu. Janganlah kamu menganiayai dan jangan pula kamu dianiayai.

Tuan-tuan akan dapat melihat sendiri, bahawa di dalam ayat-ayat di atas terdapat keterangan yang mengharamkan riba secara mutlak, dan tidak dapat diragui lagi. Di dalam ayat-ayat yang mengharamkan riba itu terkandung tiga hal yang penting untuk diketahui bersama;

- 1) Orang Musyrikin Makkah memberi alasan bahawa sebabnya riba itu diharamkan ialah kerana hasil di dalam riba itu sama dengan hasil di dalam berjual-beli. Sebagaimana orang berjual-beli beroleh keuntungan dari perbezaan atau selisih harga jual dan beli, maka begitu juga orang yang berusaha

dengan riba. Kata mereka, dengan riba itu tidak ada kemungkinan ia rugi. Alasan mereka yang lain ialah riba itu memberikan barang jualan dengan kontan (tunai), manakala pembayarannya ialah bertempoh. Kemudian, apakala yang berhutang tidak sanggup memberinya, maka sesudah lewat tempoh itu, kepadanya dikenakan bayaran tambahan.

- 2) Larangan melakukan riba disertai dengan perintah mengerjakan sembahyang dan zakat. Ini mengisyaratkan bahawa rukun Islam yang lima itu tidak dapat bekerjasama dengan riba. Di samping itu terkandung pula suatu maksud lagi, iaitu kalau sembahyang dan zakat itu rukun Islam bahagian lahir dan batin, maka riba itu adalah musuhnya zakat di dalam Islam, atau membanteras dan membekukan riba dalam masyarakat adalah syarat mutlak supaya dapat berlakunya sembahyang dan zakat dengan sempurna, sesuai dengan tuntutan agama Islam.

Dan sekarang semua orang mengakui bahawa wujudnya sistem riba dengan cara bermaharajalela dalam masyarakat telah menyebabkan umat Islam melarat, tidak dapat berzakat kerana kekayaan semakin lama semakin tertumpuk pada beberapa puluh orang sahaja dalam sesebuah negara.

Demikianlah, kerana kebudayaan dan kemajuan Islam berdiri di atas sifat-sifat utama, yang bertentangan dengan sistem riba yang tidak mahu menerima manusia mendapat kuntungan dan hasil tanpa bekerja seperti kaum tani, kaum dagang dan sebagainya yang hidup dari keringatnya. Darul Islam, di mana hukum Allah berlaku harus (wajib) bersih dari sistem riba. Kepada masyarakat yang tidak mahu mematuhi larangan ini Tuhan memberikan ultimatum (ancaman) perang kepada mereka. Apa erti perang dengan Allah? Sejarah

manusia yang dapat dikenal telah cukup memberikan bukti dan alasan dalam hal ini.

- 3) Riba yang tersebut di dalam ayat Quran di atas sudah dijelaskan oleh ayat itu sendiri, iaitu yang lebih dari pokok (modal harta) adalah riba (bunga). Oleh sebab segala tambahan dari pokok wang adalah riba, walaupun betapa kecil dan remehnya, maka inilah yang dimaksudkan oleh Tuhan dalam firmanNya: “Jika kamu taubat, maka bagi kamu modal harta kamu, jangan kamu menganiaya dan jangan pula dianiayai”

Ayat-ayat al-Quran yang tersebut di atas menyatakan haramnya riba dengan jelas dan tegas. Tidak ada keraguan sedikit pun juga. Juga di dalam al-Quran disebutkan, bahawa riba itu termasuk dalam himpunan hukum-hukum yang telah ditetapkan dari langit untuk sekalian syari’at-syari’at langit, di samping agama Islam. Al-Quran sendiri menerangkan, bahawa Tuhan juga telah mengharamkan riba kepada orang Yahudi, tetapi mereka langgar larangan tersebut. Tuhan menerangkan selanjutnya, bahawa salah satu di antara sebab-sebab yang membawa murka Tuhan atas mereka ialah kerana mereka melanggar larangan riba tersebut, seperti kata Tuhan: “Mereka mengambil riba yang telah dilarang kepada mereka”.

Demikian dalam al-Quran. Adapun di dalam Sunnah Rasul, maka telah didapati banyak *athar* yang dengan terus terang mengharamkan riba. Sebahagian dari yang tersebut di dalam Sunnah itu ada yang menerangkan atau menjelaskan riba yang dilarang Tuhan, manakala sebahagian lagi menerangkan riba yang tidak tersebut larangannya di dalam al-Quran.

Adapun hadith-hadith yang menjelaskan riba yang dilarang di dalam al-Quran, ialah hadith Rasul sewaktu Haji Wada' pada penghujung masa Rasul (9 Zulhijjah 10 Hijriyyah), sewaktu agama Islam telah *complete* dan sempurna, yang ertinya:

“Ketahuilah oleh kamu bahawa riba Jahiliyah itu ditiadakan (dibekukan) sekaliannya; kamu berhak menerima kapital (modal) harta kamu, janganlah kamu menganiayai dan janganlah kamu dianiayai. Permulaan riba yang saya bekukan ialah riba Paman (Bapa Saudara) saya al-'Abbas bin Abdul Muttalib”.

Pada hadith lain ada tersebut bahawa Nabi ada bersabda:

“Ketahuilah bahawa sekalian riba Jahiliyah ditiadakan, kamu boleh menerima modal harta kamu, jangan kamu menganiayai dan jangan pula dianiayai”.

Menurut riwayat Imam al-Bukhari, Rasulullah S.A.W. telah bersabda: “الرِّبَا فِي النَّسِئَةِ” (riba itu di dalam yang bertempoh). Riba Nasi'ah itulah yang diharamkan dengan nas di dalam al-Quran, iaitu menambah hutang di dalam hutang sebagai harga tambahan tempoh, yakni bertambah bayaran sebab bertambah waktu.

Hadith Nabi itu adalah sebahagian dari Sunnah beliau yang maksudnya menafsirkan atau memperkuat riba yang terlarang di dalam al-Quran. Di samping itu ada pula Sunnah Nabi yang lain, yang mengharamkan sejenis riba lagi di dalam jual-beli, iaitu dalam memperjualbelikan 6 perkara yang telah disebut Nabi nama bahannya satu persatu. Dalam memperjualbelikan bahan-bahan tersebut, haruslah dilakukan dengan tunai dan sama banyak atau sama ukurannya, iaitu kalau

benda yang dibeli itu sama jenisnya. Tetapi kalau berlainan jenis, tidak mesti serupa ukurannya, tetapi harus (wajib) terima barang pada waktu itu juga (tunai).

Di antara hadits-hadits Nabi yang sangat terang memperkenalkan hal ini ialah hadits yang diriwayatkan oleh Muslim dari 'Ubadah bin Shamit bahwa Nabi S.A.W telah bersabda:

“Emas dengan emas, harus serupa, perak dengan perak harus serupa, tamar dengan tamar harus serupa, gandum dengan gandum harus serupa, garam dengan garam harus serupa, beras dengan beras harus serupa. Maka barang siapa yang menambah atau meminta tambahan, maka ia telah melakukan riba. Oleh sebab itu, juallah oleh kamu emas dengan perak, betapa suka kamu, dengan tunai, jual-beli gandum dengan tamar, betapa kehendak kamu, dengan tunai, juallah beras dengan tamar sesuka kamu asalkan dengan tunai”.

Di dalam hadits Nabi yang diriwayatkan Imam Muslim di dalam sahihnya itu, banyak beliau menyebutkan macam-macam riba yang terlarang, yang tidak ada tersebut di dalam al-Quran. Ada 6 macam bahan yang disebutkan di dalamnya. Bahan-bahan yang enam macam itu, kalau ia sejenis, ertinya emas dengan emas atau perak dengan perak, atau tamar dengan tamar dan seterusnya, dengan dua syarat; hanya boleh dijual apabila beratnya atau ukurannya sama dan tunai. Yang bangsa disukat sama sukatannya, yang bangsa ditimbang harus sama timbangannya dan sekaliannya harus tunai, tidak boleh bertempoh dan bertanggung. Kalau berlainan jenis, seperti menjual beras dengan wang emas atau wang perak, maka boleh tidak sama ukurannya, tetapi harus

tunai, jangan bertempoh. Kalau bertempoh dalam salah satu di antara dua benda tukaran itu, baik tukaran penjual atau tukaran pembeli, maka jual-beli adalah terlarang hukumnya.

Kalau larangan itu dilanggar, umpamanya tamar dengan tamar dijual berlebih-kurang, satu kilo dengan setengah kilo, maka ini dinamakan dalam istilah agama Islam dengan “riba al-fadhI” ertinya “riba tambahan”. Yakni ribanya kerana bertambah antara salah satu dua benda tukaran. Adapun riba dengan mengambil bunga kerana menambah tempoh membayar, maka dinamakan riba Nasi’ah. Kedua macam riba ini adalah disebutkan dalam sunnah Nabi.

- 4) Riba yang diharamkan dengan dasar ayat al-Quran itu, oleh sebab terang dan jelas, dinamakan riba *jaliyy*. Ulama’ semuanya sepakat mengatakannya haram. Membantah hukum tersebut sama ertinya dengan mengingkari apa yang telah diberi hukum oleh al-Quran dengan nas yang positif. Yang membuat pelanggaran sedemikian rupa, disebut mengingkari agama secara *dharuri*. Oleh sebab itu, Abu Bakar r.a. telah memerangi orang yang tidak mahu memberi zakat kerana mengingkari pekerjaan yang jelas dan positif. Mengingkari haramnya riba termasuk dalam kata memerangi Allah dan Rasul.
- 5) Riba yang disebutkan al-Quran sebagai pekerjaan terlarang itu adalah dikenal oleh semua orang Arab, iaitu riba Jahiliyah. Adapun riba yang diharamkan oleh Sunnah Rasul adalah istilah Islam yang belum dikenal orang Arab. Islam telah mengadakan pelarangan sedemikian rupa adalah untuk membersihkan rintangan dan bahaya-bahaya yang akan merosak pembangunan ekonomi di dalam Islam.

al-Jashshas berkata dalam hal ini: Riba yang dikenal orang Arab adalah meminjamkan wang perak atau emas dengan bertempoh dan dengan tambahan dari tempoh yang telah diberikan lebih dahulu. Ini terkenal dan masyhur dalam kalangan orang Arab. Imam Ahmad pernah ditanya orang tentang riba ini. Jawabnya, iaitu si pemiutang (tuan hutang) akan berkata kepada penghutang (yang berhutang): “Engkau bayar atau engkau tambah hutang”. Riba ini adalah riba yang sangat dibenci dan dilarang Tuhan. Demikian juga pendapat semua imam-imam mazhab sejak dahulu sampai sekarang. Tidak ada seorang pun yang lain pendapatnya dalam hal ini. Riba itulah hutang 100 dinar dapat menjadi 1000 dinar.

6. Di antara ulama' dari sahabat Nabi ada yang memandang riba itu hanyalah riba yang tersebut di dalam al-Quran iaitu riba Nasi'ah. Pendapat tersebut dibantu pula oleh suatu hadith Rasul yang berbunyi: “لَا رِبَا إِلَّا فِي النَّسِئَةِ”

Menurut pengarang kitab “الْمُغْنِي”, ada dihiyakan orang dari Ibni Abbas, dari Usamah bin Zaid dan dari Zaid bin Arqam, bahawa ketiga sahabat ini telah mengatakan: “Riba hanya ada di dalam Nasi'ah”. Ada orang yang mengatakan bahawa Ibni Abbas telah menarik hadith tersebut. Akan tetapi Sa'id bin Jubair ada berkata, bahawa ia telah bersahabat dengan Ibni Abbas sampai sahabat ini wafat, tetapi ia masih tetap dalam pendapatnya bahawa riba hanya ada di dalam Nasi'ah. Ertinya harus menjual emas dengan emas berlebih-kurang, begitu juga menjual perak dengan perak harus berlebih-kurang, asalkan tunai. Menurut Sa'id bin Jubair lagi, Ibni 'Abbas mengatakan bahawa riba hanyalah riba Quran, iaitu riba Nasi'ah. Seterusnya Sa'id bin Jubair berkata lagi, 20 hari sebelum Ibni 'Abbas wafat, saya tanyakan lagi kepadanya pendapatnya dari hal *sarf*, yakni menjual-beli wang dengan berlebih-kurang, maka beliau menjawab tidak mengapa.

Dari keterangan di atas ini, nyatalah bahawa riba yang menjadi soal ikhtilaf (perselisihan) itu hanyalah riba yang nasnya datang dari Sunnah Rasul. Tentang riba Nasi'ah tidak ada perlainan pendapat samasekali di antara semua sahabat dan semua ulama'.

7. Sebetulnya kami tidak merasa perlu memberikan penjelasan luas tentang riba Nasi'ah yang diharamkan al-Quran kerana tambahan bayaran, sebab bertambah waktu membayarnya. Tetapi kerana banyak manusia dewasa ini, iaitu masa peradaban dunia riba menyerang umat kita, yang terpengaruh dan tertarik pula dengan sistem perekonomian orang Yahudi yang menguasai ekonomi dunia, mereka lalu berusaha mena'wilkan al-Quran untuk menyesuaikan ayat-ayat Tuhan dengan struktur (bentuk) ekonomi Yahudi itu. Di antara yang berusaha itu ada orang yang menyebut namanya ulama' agama. Ada juga ahli-ahli ekonomi dan lain-lain yang berpendapat, bahawa sistem riba itu "darurat" di dalam dunia ekonomi, dan tidak dapat dielakkan. Mereka pun menyerbu mena'wilkan al-Quran dengan pelbagai usaha. Untuk itu mereka mengambang-hitamkan kalimah riba. Mereka membahas makna riba, pada hal sudahlah terang bahawa makna riba ialah riba yang dilakukan oleh semua bank dewasa ini, dan tidak ada keraguan lagi tentang haramnya.
8. Pada hari ini telah kedengaran dari pemimpin-pemimpin manusia yang memang suci hati dan niatnya kepada Islam, yang mempercayai baiknya peradaban dunia ini, sehingga mereka mengira adalah lebih baik bagi al-Quran apabila disesuaikan hukum-hukumnya dengan organisasi dagang (badan perniagaan) zaman sekarang ini. Telah terdengar suara dan pendapat mereka yang meminta agar perhatian

diberikan untuk mempelajari organisasi riba secara bank itu dengan lebih mendalam. Mereka berusaha sedemikian rupa dengan ikhlas. Akan tetapi pendapat yang ikhlas itu, oleh orang yang datang kemudian, telah ditafsirkan lebih jauh lalu memeralatnya untuk menghalalkan riba bank. Umpamanya mereka katakan – tetapi tidak ada alasannya – bahawa al-Ustaz al-Imam al-Syeikh Muhammad ‘Abduh telah mengatakan demikian. Pada hal kami pun sudah mempelajari sekalian perkataan beliau dalam hal ini, tetapi tidak menemukan seperti yang dikatakan itu.

Murid beliau, Sayyid Muhammad Rashid Redha, telah cenderung sedikit untuk menghalalkan sebahagian dari riba dalam bank, dan beliau telah berusaha dengan segala susah payah, tetapi tidak berhasil. Andaikata benarlah al-Ustaz al-Imam al-Sayyid Muhammad ‘Abduh atau orang lain ada mengeluarkan perkataan yang boleh diterima sebagai perkataan yang menghalalkan riba bank, maka tidak akan diterima perkataan mereka, dan pendapat itu tidak akan kita hargai walau sedikit pun juga.

9. Kepada sekalian orang yang tertarik dan percaya dengan sistem riba bank, kita katakan kepada mereka dua perkara:
 - a) Dengan mengharamkan sistem riba itu Islam bermaksud mendirikan suatu bentuk perekonomian yang utama, iaitu yang menetapkan bahawa wang tidak dapat mencari wang, dan bahawa perusahaan tidak bisa rugi. Sistem riba itu menetapkan bahawa kapital (modal) itu mempunyai perusahaan sendiri; di mana orang beroleh kekayaan tanpa bekerja; orang dapat berusaha tanpa rugi dan keluar keringat (peluh). Dalam hal ini Islam tidak

mengizinkan kapital itu dapat bertambah tanpa rugi dan tanpa usaha.

- b) Zaman ini organisasi perekonomian dunia tidaklah seluruhnya memakai sistem riba. Banyak lagi bumi Allah yang perekonomiannya tidak diatur secara riba. Malah ada yang sudah menghapuskan kapitalism dan ada yang membatasinya. Tatkala agama Islam datang, ia memberikan kekuasaan kepada benda dan mengakui hak milik perseorangan, tetapi ia membatasi wang tidak dapat berusaha sendiri tanpa usaha manusia, tanpa kerja dan tanpa rugi. Islam datang dengan jalan tengah, ia tidak terlalu keras dan tidak terlalu lembut.
10. Ada pun riba yang diharamkan al-Quran maka ia adalah riba tambahan pembayaran seiring bertambahnya waktu, baik barang yang dipinjam itu untuk dimakan atau untuk perusahaan, kerana nas pelarangannya umum. Adapun riba Jahiliyah itu, maka menurut sepanjang sejarah, seluruhnya atau hampir seluruhnya, adalah hutang yang dipergunakan untuk perusahaan, bukan untuk menjadi bahan makanan yang akan dihabiskan.
11. Hukum mengharamkan riba itu adalah sesuai dengan fitrah manusia, dan itulah organisasi ekonomi yang paling sihat. Kita katakan ini adalah undang-undang fitrah, kita pinjam dari perkataan *Aristotle* di dalam kitabnya “Politica” yang mengatakan antara lain: “Adalah hak dan kewajiban atas kita mengingkari riba, kerana ia jalan usaha yang melahirkan wang daripada wang sendiri”. Fitrah tidak suka kepada yang demikian, kerana wang itu adalah dijadikan untuk alat tukar menukar dan memperoleh keuntungan di dalam pertukaran tersebut. Rente atau bunga riba adalah lahir daripada wang

perusahaan yang seperti ini, dan ia termasuk di antara perusahaan yang seluruhnya bertentangan dengan tabiat manusia”.

Dengan demikian, jelas bahawa *Aristotle* keberatan dan sangat benci kalau wang itu melahirkan wang. Ia akan menyebabkan orang dapat hidup kaya tanpa bekerja dan tanpa rugi, iaitu dengan jalan memperanakan wang dengan wang.

12. Sistem riba yang sekarang ini adalah dari golongan Yahudi. Sifat orang Yahudi terhadap agama dan kemerdekaan beragama sudah nyata dalam sejarah. Mereka hendak menguasai dunia dengan sistem ekonominya itu. Dan kerana manusia kurang insaf atau tidak mahu insaf, maka sekarang manusia pada umumnya sudah terjebak dalam perekonomian ala Yahudi, dan kalau mereka hendak melepaskan diri maka adalah sukar dan payah sekali. Mereka ini terdiri dari kalangan manusia yang memberikan hak kekuasaan (imperialism) kepada modal (kapitalisma) dalam erti yang tidak terbatas. Banyak sekali orang yang membenci dan menentang imperialisma dan kapitalisma, tetapi dalam soal ekonomi, mereka tidak menolak atau pura-pura tidak menolak.

Golongan kedua, manusia sosialis yang menguasai dan membatasi hak kapital, dengan jalan memberikan hak kedaulatan bagi umat menguasai sumber-sumber harta alam dan sebagainya, dan bahawa umat berhak pula mendapat bahagian dari kekayaan yang ada di tanah airnya. Tetapi mereka tidak menentang riba, apa lagi memerangnya.

Golongan ketiga, penentang kapital dan yang tidak mengizinkannya hidup. Riba atau yang seperti riba, sama sekali tidak boleh berlaku dalam masyarakat. Seseorang itu boleh menyimpan dan memiliki apa yang diperlukan oleh hajatnya sahaja.

Ketiga pendapat di atas adalah pandangan lama terhadap modal dan kaum modal. Adapun syariat Islam - selaku agama langit seperti lain-lain agama langit juga, yang belum ada perubahan dan penukaran dalam perundangan-perundangannya - maka ia menghormati kapital sebagaimana ia menghormati nilai kerja. Islam menetapkan bagi kerja itu ada hak dan ada kewajiban. Islam tidak mahu memberikan harta itu sebagai barang rampasan atau keuntungan yang tidak dipertanggungjawabkan kepada manusia. Islam tidak menyetujui harta dapat diperolehi tanpa kerja, atau mendapat keuntungan dalam perdagangan tanpa menanggung rugi atau untung. Islam mengharamkan riba kerana ia memberikan kesempatan kepada seseorang mengaut keuntungan tanpa menanggung rugi. Jual beli harus dengan usaha dan menempuh salah satu antara dua; untung atau rugi. Islam tidak suka manusia labah-labah menunggu mangsanya di dalam rumah atau kantornya; siapa yang datang ke sana akan kena hisap, habis darah dan sumsum. Akibatnya manusia yang melarat semakin banyak dan manusia yang kapitalis tanpa bekerja dan tanpa rugi semakin meluas. Islam menentang dan mahu berperang dengan sekalian tuan-tuan wang yang tidak bekerja, sebaliknya hanya mahu duduk dengan usahanya yang sangat besar hasilnya itu, tanpa mengira manusia senang atau tidak senang, benci atau tidak benci. Islam yakin akan kebenaran pendapatnya itu.

13. Riba itulah yang menyebabkan banyaknya pailit (bankrupt) dalam kalangan dagang dan perkongsian-perkongsian besar, juga sistem riba itulah yang menyebabkan manusia semakin lama semakin terbenam dalam keadaan krisis, dan ini menyebabkan keinginan perang menjalar terus antara golongan yang punya dengan tidak punya.

Contohnya telah diberikan sejarah. Kerana sistem riba itu dunia telah pernah mengalami krisis sebelum Perang Dunia Kedua. Ubatnya hanya satu, iaitu hutang-hutang yang terjadi lantaran sistem riba itu harus dikembalikan kepada angka pokok. Ertinya bunga hutang harus dibuang sama sekali, seperti yang telah dilakukan Roosevelt, Presiden U.S.A, pada tahun 1934, sewaktu di Amerika terjadi *Malaise* (kemelesetan) besar-besaran. Juga sudah pernah melakukan yang sedemikian itu terhadap hutang-hutang tanah.

Sebelum Islam lahir, kedaulatan sistem riba telah berkuasa, dan dunia dewasa itu di bawah pimpinan peradaban Yahudi. Apa yang terjadi ialah, orang mengusir Yahudi di mana mereka berada. Tatkala Islam lahir, penentang dan pembangkang yang pertama adalah orang Yahudi, sehingga terjadi pertelingkahan panas antara mereka dengan Islam selama 5 tahun. Pokok sengketa adalah Pasar Bani Qainuqa' (kepunyaan orang Yahudi) yang bersaing dengan Pasar Ansar yang didirikan sahabat-sahabat. Jadi persoalannya timbul dari objek ekonomi. Akhirnya orang Yahudi dipindahkan dari Jazirah Arab, kerana mereka menjadi penentang mutlak terhadap segala usaha dan inisiatif Islam dalam lapangan perekonomian. Khalifah Umar berkata, tatkala melihat karikturnya (tabi'at, watak) orang Yahudi, bahawa tanah Arab tidak baik didiami oleh dua agama yang bertentangan. Maksudnya, dalam soal ekonomi, antara Yahudi dan Islam,

tidak dapat dipersatukan. Akhirnya Yahudi harus pindah dari pusat agama Islam ke mana mereka suka. Tetapi kemudian hari dengan secara menyusup, ahli-ahli Yahudi masuk lagi ke negeri Madinah dan sekitarnya dengan menyamar sebagai kaum budak (hamba), kaum pekerja dan sebagainya. Dari tempat persembunyiannya yang baru itu mereka menyebarkan pelbagai fitnah terhadap kepemimpinan Islam, terutama sekali terhadap Saidina Umar Bin al-Khattab, dan itulah yang menyebabkan Umar al-Khattab mati dibunuh orang atas instruksi (arahan, perintah) Yahudi. Dan itu jugalah yang menyebabkan terjadi perang saudara pada masa pemerintahan Uthman Bin Affan dan Ali Bin Abi Talib. Selanjutnya kedaulatan ekonomi orang Yahudi seluruh dunia terus menerus akan menentang dan menyerang peradaban umat Islam sehingga umat Islam tunduk di bawah kedaulatan perekonomian mereka.

14. Riba Nasi'ah itu adalah sepakat ijmak haramnya, tidak ada khilaf lagi. Siapa yang mengatakan bahawa di dalam riba Nasi'ah itu ada khilaf, maka orang tersebut telah mengadakan dusta yang besar terhadap agama. Riba Nasi'ah ertinya menambah hutang sebagai ganti menambah tempohnya, baik tambahan itu dengan perjanjian yang *bernas*, atau menurut kebiasaan atau tanpa syarat sama sekali.

Riba Nasi'ah telah diijmakkan Ulama' sejak dahulu kala, dan ini tetap dihormati dan dipatuhi oleh seluruh Ulama' dan umat Islam pada masa yang lalu. Tidak pernah terdapat riwayat atau usaha untuk merubah pendapat tersebut dengan jalan mena'wilkan hadith-hadith yang berkenaan dengan soal tersebut. Kalau ada pun, barulah pada masa yang akhir-akhir ini, selepas struktur (bentuk) perekonomian

ala Yahudi mendapat tempat yang lebih maju dan meluas dari yang sudah-sudah.

Pada masa kebelakangan ini timbul kembali soal masalah jual beli ala '*ain* (benda). Caranya ialah si A (penjual) menjualkan suatu barang kepada si B (pembeli) dengan harga 100 Ringgit dengan bertempoh umpamanya. Oleh si B, barang tersebut dijual kembali pada waktu itu juga kepada si A dengan harga 80 Ringgit tunai. Maka si A lalu memberi kepada si B 80 Ringgit. Si B pun kembali dengan membawa wang tunai 80 Ringgit tetapi ia telah terlebih dahulu mempunyai hutang dalam batas waktu yang tertentu atau tidak tertentu sejumlah 100 Ringgit kepada si A. Menurut riwayat fuqaha', jual beli sistem '*ain* ini sudah terdapat pada masa yang silam, sebab kepada Imam Muhammad Bin al-Hasan, iaitu muridnya Imam Abu Hanifah sendiri pernah ditanya dalam hal tersebut. Jawab Imam Muhammad al-Hasan: "Pada saya soal itu lebih berat dari gunung, sebab ia telah diciptakan oleh pemakan-pemakan riba".

Pencipta-pencipta riba pada masa Imam Muhammad al-Hasan di atas, adalah lebih kesatria daripada pencipta-pencipta riba dari kalangan kaum muslimin pada masa sekarang ini. Mereka dahulu melakukan riba dengan menempoh suatu sistem yang sama sekali tidak mena'wilkan sesuatu ayat atau hadith. Mereka hanya mencari jalan lain tanpa mengorbankan sesuatu prinsip agama. Adapun orang yang kemudian ini lain lagi kerja mereka, iaitu mereka hendak menghalalkan riba Nasi'ah dengan memperalat salah satu dasar agama, iaitu dengan mena'wilkan ayat Al-Quran atau hadith Rasul.

Pencipta-pencipta riba moden yang mempercayai sistem riba Barat itu, kerana mereka beragama Islam dan tidak ingin agamanya terganggu, sebagaimana mereka tidak pula suka melepaskan kepercayaannya kepada sistem riba Barat itu, sangat ingin sekali kalau Islam dapat menyesuaikan diri dengan peraturan Barat yang hidup subur dengan sistem riba tersebut. Kalau kita katakan kepada mereka, dalam agama Islam riba itu diharamkan kerana sangat kejam, maka kata mereka, riba menurut sistem baharu dan moden ini tidak kejam, tambahan pula adalah tidak mungkin orang sekarang berhubungan dengan dunia tanpa mengikuti sistem riba Barat itu.

15. Pendapat yang mengatakan bahawa “bunga bank” itu bukan riba didasarkan kepada pendapat yang menyatakan bahawa perkataan riba itu tidak menepati “bunga bank” sebagaimana yang terdapat sekarang ini. Alasannya antara lain ialah kerana Umar Ibn al-Khattab, khalifah yang kedua, pada suatu masa telah berkhutbah menyatakan, “tiga perkara yang saya amat ingin kalau sekiranya Rasulullah S.A.W. memberikan janji kepada kita dalam hal tersebut, iaitu had zina, *kalalah* dan bab-bab riba”. Juga ada diriwayatkan orang daripada Saidina Umar, bahawa beliau pada satu kali pernah berkata: “Demi Allah! Kami tidak tahu barangkali kami telah memerintahkan kamu dengan pekerjaan-pekerjaan yang tidak baik bagi kamu, dan boleh jadi kami melarang kamu daripada pekerjaan-pekerjaan yang memperbaiki (memberi kebaikan) kepada kamu, iaitu di antara ayat-ayat al-Quran yang terakhir sekali turunnya adalah ayat-ayat riba. Kemudian Rasulullah pun wafat sebelum beliau sempat menjelaskannya. Oleh sebab itu, tinggalkanlah apa yang meragukan kamu dan ambillah apa yang tidak meragukan kamu”.

Athar di atas adalah diriwayatkan daripada setengah sahabat yang mujtahid. Perkataan yang diriwayatkan ini telah dirangkuli oleh orang-orang yang ingin sekali supaya “bunga bank” ala Barat itu tidak haram hukumnya, supaya perekomonian mereka subur dan makmur, hidup beruntung tanpa rugi.

Bagaimana alasan yang dirangkuli oleh yang merangkulinya itu?

Jawapannya ialah, bahawa daripada perkataan Umar yang diriwayatkan oleh setengah sahabat yang mujtahid itu jelas kepada kita, bahawa Umar Ibn al-Khattab bukan buta tentang soal riba. Semuanya beliau ketahui. Hanya ada beberapa soal yang berhubungan dengan riba yang masih belum jelas bagi beliau, tetapi terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan sahabat-sahabat yang terkemuka seperti Ibn Abbas dan lain-lain, dan andainya orang masih mahu juga mempertahankan persangkaan ini, maka ambillah suluh daripada perkataan Umar di atas, iaitu tinggalkan apa yang meragukan kamu dan rangkulilah apa yang tidak meragukan kamu.

Apakah keraguan yang harus ditinggalkan itu? Jawabannya tidak lain daripada analisa dan tafsiran orang atau golongan yang hendak menghalalkan “bunga bank” ala Barat itu. Yang diragui ialah tidak haramnya riba dan yang tidak diragui ialah pengharamannya. Tinggalkan apa yang diragui dan pakailah apa yang tidak diragui, iaitu “bunga bank” itu tetap haram.

Riba Jahiliyyah, ialah bertambah jumlah hutang dengan bertambah jumlah tempoh pembayarannya. Ini jelas dalam al-Quran dan jelas pula dalam hadith-hadith, juga jelas

di dalam sejarah. Banyak sekali bukti *literature* (bacaan, kesusasteraan) dalam hal tersebut.

Sekarang bagaimana hubungannya dengan “bunga bank”. Bukankah “bunga bank” itu datangnya berdasarkan tempoh bayar hutang yang diberikan oleh bank. Apabila jangka waktu pembayaran bertambah panjang, maka jumlah hutang yang harus dibayar juga bertambah. Apakah ini tidak sesuai atau tidak sama dengan apa yang terjadi di zaman Jahiliyyah? Hanya bezanya, di sana orang Arab musyrikin pengembala unta, manakala sekarang manusia-manusia terpelajar moden yang mempunyai peradaban dalam ilmu pengetahuan tetapi rakus dan lupa, juga akhlaknya selalu lebih buruk daripada orang-orang di zaman unta.

16. Ada lagi alasan golongan yang mempertahankan “bunga bank” itu sebagai halal, iaitu bunga yang diharamkan al-Quran itu adalah pinjaman untuk menutupi kebutuhan (keperluan pokok) hidup, sedangkan “bunga bank” sekarang adalah untuk membuka atau katakanlah dengan kalimah yang lebih moden, iaitu untuk memajukan perekonomian!

Alasan ini tidak sepatutnya menjadi alasan. Pada zaman jahiliyyah banyak sekali orang yang berhutang untuk perusahaan, juga banyak yang berhutang untuk keperluan peralatan. Dan ada pula yang berhutang untuk mendapatkan keperluan bahan makanan. Bertapapun juga, ia sama sahaja keadaannya dengan dewasa ini; bagi orang yang kecil, sedikit pun kepadanya telah banyak, manakala orang yang menengah, lain pula susahnyanya dan orang besar dan kaya raya lain lagi kebutuhan hidupnya. Dalam ketiga macam golongan manusia ini, perasaan dan nilai susah serta perlu beroleh

pertolongan itu adalah sama sahaja keadaannya. Oleh sebab itu, hukum riba sama sahaja haramnya untuk segala lapisan orang dan pada setiap masa mana pun juga.

Dan kalau dialaskan bahawa “bunga bank” itu sangat diperlukan untuk membangun masyarakat dan memperluaskan atau memperkuat perekonomian, katakanlah umpamanya untuk memajukan perekonomian umat Islam sendiri, maka di dalam hal ini ada tersedia pelbagai jalan di dalam Islam, yang mengizinkan orang yang mempunyai wang untuk turut berniaga, tetapi bukan tanpa rugi, tanpa kerja dan sebagainya. Tetapi harus dilalui menurut saluran yang sudah dibuka dalam Islam, seperti dengan jalan *Qiradh* sebagaimana yang sudah kita salin dari “Muwatta’” Imam Malik, dari “Majmu’ Syarah al-Muhazzab” dan lain-lain, atau dengan sistem syirkah atau perkongsian dan sebagainya. Tetapi tidak dengan meminjamkan wang menurut sistem bank Yahudi. Dengan lain perkataan, Islam tidak berkeberatan, malah membuka pintu bagi kaum yang mempunyai modal untuk membuka perusahaan, asal sahaja dengan syarat turut bekerja dan turut menanggung samada untung atau rugi.

Riba orang Makkah di zaman Jahiliyyah tidak dapat dikatakan riba untuk keperluan bahan makanan yang perlu. Kami tidak melihat demikian. Tetapi hampir semua pinjaman riba itu adalah untuk perusahaannya. Keterangannya ialah, apabila melihat kemajuan perekonomian yang dicapai oleh orang yang mampu, maka golongan yang berkemampuan, tetapi kurang syarat, juga turut mengadakan pembukaan hutang dengan bertempoh. Kalau dia beruntung dalam dagangannya (perniagaannya), hutangnya dibayarnya. Kalau rugi, seperti ditipu orang, kena samun dan sebagainya, dia masih

mengharap akan dapat menutupnya pada musim dagang yang lain. Sebab itu mereka berani meminta tambahan jumlah hutang. Yang punya piutang juga berani memberi, kerana adat dan tradisi mereka mengizinkan sedemikian itu.

Buktinya, siapa yang mahu mengatakan Abbas Bin Abdul Mutalib telah menghutangkan wang untuk menutup keperluan hidupnya sehari-hari? Tentu tidak ada, sebab ia terkenal orang yang punya, lapang, ahli dagang dan sedikit sekali tanggungannya. Tetapi hampir semua riba itu diberikan untuk urusan dagang, sebab semua orang Makkah itu turut dalam kafilah perdagangan, samada menjadi direktor (pengarah), administratur (pegawai tatauusaha, pegawai tadbir) ataupun pegawai dan pesuruhnya. Semua mereka itu dapat berniaga walaupun dengan jelas membawa wang dari Makkah, membeli barang di Syria atau Parsi, kemudian dijual di Makkah atau di Yaman dan sebagainya. Semuanya mendatangkan keuntungan yang besar sekali, kerana perhubungan dewasa itu sangat terbatas dan menempuh banyak bahaya. Dengan demikian kecenderungan berniaga itu besar, dan meluas sekali khususnya di Makkah. Sebab itu ramai orang yang berani mencuba nasib (spekulasi) dengan berhutang dan akibatnya banyak pula yang berani mempiutangkan. Akibatnya, nilai bunga hutang dari tambahan tempoh dan sebagainya bertambah naik. Tentang sifat dan pembawaan orang Quraisy Makkah yang suka sekali berniaga keluar negeri itu telah diketahui umum sehingga dirakamkan di dalam al-Quran Surah Quraisy yang menyatakan bahawa orang Quraisy itu sudah berniaga pada musim panas dan musim dingin.

Menurut riwayatnya, orang Quraisy lelaki dan wanita hampir semuanya kaum dagang. Tetapi tidak semuanya sanggup

turut berdagang. Yang tidak dapat turut, tentu mengirimkan dagangannya. Perdagangan seperti ini biasanya dengan keuntungan atau kerugian yang dibagi dua atau tiga, dan sebagainya. Tetapi ini tentu dengan menanggung risiko (akibat). Ada pula perdagangan yang sama sekali tidak menanggung risiko, iaitu dengan meminjamkan wang secara bunga seperti riba jahiliyyah. Oleh kerana terdesak, walaupun merasa berat, jalan ini ditempo orang juga. Oleh kerana beratnya bunga yang mesti dibayar, maka lebih banyak orang yang terduduk daripada yang bangun dalam hal ini, seperti orang yang digomoli syaitan gila.

Ada lagi bukti yang lain. Pada suatu masa dalam tahun dua Hijriyyah, Rasulullah telah memerintahkan suatu rombongan sahabatnya supaya mencegat qafilah Quraisy yang hendak menuju Syria. Menurut riwayat, qafilah yang hendak dicegat itu adalah qafilah besar. Menurut riwayatnya, tiap-tiap orang Quraisy ada menaruh modal dalam qafilah itu, sebab itu Rasulullah ingin merampasnya untuk melumpuhkan perlawanan dan penentangan orang Quraisy Makkah kepada agama Islam. Tetapi pada waktu itu qafilah tersebut dapat meloloskan diri, kerana mereka mengambil jalan yang jauh dari kediaman kaum muslimin.

Kembali kepada pokok soal. Apabila disebutkan bahawa di dalam qafilah itu terdapat modal setiap orang Quraisy, maknanya adalah orang Quraisy seluruhnya turut mempunyai saham dalam qafilah itu. Ada yang dengan membawa sendiri, ada yang dengan mudharabah (perkongsian bagi dua atau tiga kerugian atau keuntungan) dan ada pula dengan sistem meminjamkan wang tanpa rugi dan tanpa bekerja, tetapi pasti menerima keuntungan besar. Dengan lain perkataan, kalau tidak seluruhnya, sudahlah dapat ditarik satu konklusi

(kesimpulan) bahawa riba Jahiliyyah itu banyak sekali dilakukan untuk kepentingan perusahaan dan perdagangan, baik dagangan secara besar-besaran maupun secara kecil-kecilan sahaja.

18. Golongan yang berusaha supaya “bunga bank” itu halal hukumnya dalam Islam telah bekerja dengan tidak kenal letih dan malu. Mereka pada suatu waktu mendapat jalan, yang sebenarnya bukan jalan, iaitu mereka katakan bahawa di antara kaum Fuqaha’ ada yang berpendapat bahawa adalah harus hukumnya menjual sesuatu dengan bertempoh dengan harga yang kontan atau tunai, katanya.

Kami jawab: benar ada seseorang fuqaha’ di antara sejumlah besar fuqaha’Islam yang tidak dapat diketahui jumlah besarnya itu yang berkata demikian. Fuqaha’ tersebut dikenal di dalam perpustakaan Islam dengan nama al-Maula Abu al-Sa’ud al-Amari. Duduk perkaranya seperti ini : Maula Abu al-Sa’ud al-Amari telah meredhai jual beli seperti itu, yakni penjualan dengan tunai. Lebih murah dari harga penjualan bertempoh, di mana penjualan bertempoh itu memakai harga yang lebih tinggi dari penjualan tunai. Beliau tidak ada berfatwa sedemikian, hanya beliau meredhai pendapat tersebut. Apakah benar demikian atau tidak, kurang jelas. Hanya ada kemungkinan beliau berpendapat sedemikian kerana beliau berada di tengah-tengah suatu iklim di mana kepala pemerintah Islam pada masa itu, iaitu Khalifah Sulaiman al-Qanuni, ingin memasukkan pemikiran-pemikiran perekonomian Barat ke dalam negara Turki. Akan tetapi keredhaan Maula Abu al-Sa’ud al-Amari yang dihubungkan orang kerana menenggang fikiran khalifah itu tidak diterima oleh ulama’-ulama’ lain. Oleh sebab itu, fatwa-fatwa Maula al-Sa’ud dipandang tidak muktabar oleh

ulama'-ulama' Turki. Demikianlah, kerana soal yang satu itu, telah menyebabkan rendah mutu sekalian fatwanya.

Selain dari itu, bukanlah beliau yang pertama kali meredhai pendapat tersebut. Kerana di dalam kitab Zainal Abidin ada terdapat suatu keterangan bahawa, di antara ulama' mutaakhirin, ada yang berfatwa mengharuskan jual beli dengan sistem di atas, yang disebut dengan istilah "al-Murabahah". Akan tetapi siapakah ulama' mutaakhirin itu, tidak jelas dan tidak pasti namanya.

Kemudian, kendatipun betapa keadaannya, kebanyakan atau hampir seluruh ulama' yang mu'tabar tidak menyetujui jual beli dengan sistem al-Murabahah ini, walaupun unsur riba tidak begitu jelas di dalamnya, kerana yang nyata kelihatan adalah satu, iaitu harga itu terlampau tinggi dan kelewat sekali.

19. Tidak ada seorang pun di antara orang yang percaya kepada Allah dan RasulNya yang mahu mengatakan riba bank itu halal hukumnya. Akan tetapi kemudian ini, terbuka pula suatu pintu lain, iaitu kedengaran ada ulama' yang menyebutkan jalan *dharurat*. Ertinya riba bank itu tetap haram hukumnya, tetapi adalah suatu kenyataan pula bahawa pada masa ini tidak ada jalan lain untuk ditempuh jika umat Islam mahu hidup seperti lain-lain umat. Maka keadaannya seperti berada dalam suatu keadaan yang sangat dharurat. Menurut istilah dasar-dasar fiqh, ada kaedah: "pada waktu darurat diharuskan sesuatu yang terlarang (haram) *الْأَضْرُورَاتُ تُبَيِّحُ الْمَحْظُورَاتِ*". Kata mereka, bagi menyesuaikan diri dengan perkembangan ekonomi dewasa ini, maka tidaklah mungkin umat Islam dapat turut serta memegang perekonomian tanpa melalui bank-bank

dunia. Oleh sebab itu, adalah darurat hukumnya mengikuti sistem berniaga dengan saluran bank itu. Pendapat ini logik, baru dan mendapat sambutan yang meriah. Istimewa dari kalangan kaum dagang kita, malah kerana kurang selidik, orang-orang yang tetap dan keras semangat keislamannya pun seperti terpengaruh pula dengan hal ini.

Benarkah demikian? Marilah kita pelajari dan ikuti selanjutnya.

Ada kaedah Usul Fiqh yang berbunyi **عِنْدَ الضَّرُورَاتِ تُبَيِّحُ** (waktu darurat diharuskan yang terlarang). Dasar tersebut menurut kaum fuqaha' adalah bagi menyesuaikan Islam dengan salah satu diantara 3 dasarnya, iaitu "tidak ada yang memayahkan dalam agama Islam". Oleh kerana dasar ini, fuqaha' membahagi dua golongan semua hal yang terlarang dalam Islam. *Pertama*: yang diharamkan kerana zatnya. Ini tidak dapat diharuskan kalau tidak kerana darurat (terpaksa). *Kedua*: haram kerana yang lain, seperti melihat tubuh wanita yang tidak halal bagi dirinya, maka itu haram kerana boleh membawa kemungkinan kepada berzina. Haram yang kedua ini menjadi harus kalau ada hajat seperti melihat wanita tersebut untuk diperiksa atau untuk diberi rawatan. Yang dikatakan hajat itu, iaitu yang memungkinkan manusia itu hidup dengannya, seperti ubat (rawatan) dan sebagainya itu. Dengan demikian, yang dikatakan hajat itu hanya terbatas dalam lapangan susah, darurat dan yang seperti itu. Tidak lebih luas.

Definisi Darurat

Sekarang kita kembali kepada pokok soal, iaitu "waktu darurat diharuskan yang terlarang". Apakah definisi (takrif) darurat?

Jawapannya, menurut tatabahasa, yang juga menjadi tata hukum (peraturan undang-undang) dalam Islam, yang disebut *darurat* ialah manakala ditinggalkan ia akan mengakibatkan lenyap jiwa atau sesuatu anggota manusia.

Jika demikian, apakah riba bank itu sudah menjadi darurat bagi kaum muslimin? Ertinya, apakah tanpa melalui dan menempuh riba bank itu maka perekonomian dan penghidupan kaum muslimin akan binasa? Kita mengetahui dan meyakini bahawa riba bank itu masuk bahagian riba Nasi'ah, dan yang dikatakan riba Nasi'ah itu tidak dapat diharuskan kerana hajat, hanya boleh kerana darurat. Apakah daruratnya sekarang bagi kaum muslimin sudah sampai kepada taraf darurat yang sebenarnya darurat?

Untuk itu terdapat suatu bahagian atau sudut, dalam hukum Islam, iaitu pada suatu masa ada seorang sahabat bertanya kepada Rasul. "Kami berada di suatu bumi yang kelaparan, oleh sebab itu apakah telah halal bagi kami makan bangkai?". Jawab Rasulullah: manakala kamu pada pagi hari tidak mendapat makanan, dan pada petang hari juga tidak beroleh bahan makanan atau tidak kamu dapati suatu sayuran". Maksudnya Rasulullah mengatakan bahawa yang dikatakan darurat itu ialah kalau sejak pagi hingga ke petang tidak didapati suatu bahan apa pun juga, walaupun sayur, barulah keadaan dikatakan darurat.

Berdasarkan hadith yang seperti ini, inginlah kita bertanya: Apakah keadaan darurat yang meliputi perekonomian umat Islam dewasa ini sudah sampai kepada tahap yang sedemikian rupa? Kita percaya bahawa keadaan kita yang darurat dalam soal perekonomian itu belum sampai kepada taraf seperti ini. Keadaan ini jelas, baik dari mengikuti perkembangan pendapat umum, maupun buah fikiran umat Islam sendiri di seluruh dunia.

Tambahan lagi ada beberapa pedoman dari kaum Fuqaha' yang menjelaskan erti darurat itu, antara lain seperti di bawah ini:

Seseorang yang kena darurat, kepadanya diperbolehkan memakan yang haram, seperti bangkai dan daging babi umpamanya, akan tetapi dengan syarat tidak diinginiya dan sekadar menutup nyawa. Imam Malik memberikan kelapangan dalam hal ini sehingga boleh sampai kenyang dan boleh menyediakannya sebagai bekal sebelum dapat diperoleh makanan yang halal.

Sesungguhnya soal darurat itu besar dan berat. Oleh kerana sejarah umat Islam telah penuh dengan penderitaan dan pengalaman, juga kenyang dengan kebesaran dan kejatuhan, maka di dalam riwayat Islam, tindasan, paksaan dan pukulan hidup itu banyak sekali terdapat. Hampir pada setiap zaman umat Islam mengalami peristiwa-peristiwa hitam. Oleh sebab itu, soal darurat dan yang seperti itu adalah besar dan penting sekali dalam pandangan agama Islam. Umpamanya, Imam al-Shatibi telah menuliskan kitabnya yang terkenal "al-I'tisham" yang turut memperkatakan soal darurat. Antara lain katanya:

"Misal yang ketujuh. Andainya bumi ini diratai oleh yang haram, atau satu bahagian dari bumi ini dikuasai oleh yang haram, sampai kepada taraf sukar pindah dari sana, dan segala jalan perusahaan yang baik (halal) sudah tertutup dan keperluan umat Islam tidak cukup lagi kalau sekadar menyambung nyawa sahaja, maka hajat yang demikian itu adalah lulus dan boleh sampai kepada kadar hajat yang diperlukan mengenai makanan, pakaian, tempat kediaman. Demikianlah, kerana hajat

yang darurat itu kita bataskan kepada menyambung nyawa sahaja, nanti semua pintu perusahaan akan tertutup dan semua pekerjaan umat Islam akan terhenti, dan sudah barang tentu keadaan ini boleh membawa manusia Islam semakin menderita sampai mereka itu binasa, dan binasanya umat Islam itu adalah sama ertinya dengan runtuh dan hancurnya agama Islam. Akan tetapi, kendatipun diperbolehkan sekadar hajat yang sedemikian rupa, janganlah dilanjutkan sampai kepada taraf mewah dan bersenang-senang, sebagaimana juga tidak dibataskan atas sekadar menutup nyawa sahaja”.

Seterusnya Imam al-Shatibi mengatakan seperti di bawah ini:

“Ini semua kehendak Syari’ah, walaupun Syari’ah sendiri tidak pernah memberikan nas dalam hal ini, sebab Syari’ah sendiri telah mengharuskan memakan bangkai bagi orang yang kepayahan, demikian juga darah dan daging babi dan lain-lain benda yang keji lagi haram.

Ibn al-‘Arabi menceritakan tentang adanya kesepakatan Ulama’ dalam mengharuskan orang memakan sampai kenyang terhadap barang-barang yang haram itu ialah pada waktu terjadi musim kelaparan. Ikhtilaf Ulama’ dalam hal ini, hanya kalau kelaparan itu berpanjangan, sebagaimana Ulama’ juga telah mengharuskan- kata Imam Ibn al-‘Arabi- mengambil harta orang lain pada waktu darurat. Imam Al-Ghazali pun telah membentangkan masalah ini dengan panjang lebar di dalam kitabnya *al-Ihya’* dengan cara yang memuaskan. Demikian juga telah disebutkan pula seperti itu di dalam kitabnya yang lain iaitu *Syifa’ al-‘Alil*.

Apakah keadaan darurat umat Islam dalam dunia ekonomi dewasa ini sudah sampai kepada taraf yang disebutkan oleh Imam Malik dan al-Shatibi itu? Dan apakah sudah tertutup semua pintu perusahaan yang halal, yang tidak melalui bunga bank dan sebagainya itu?





Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
Kompleks Islam Darulnaim, Lundang Jalan Sultan Yahya Petra,
15200 Kota Bharu, Kelantan
Tel: 09-7481512 Faks: 09-7485512
Portal Rasmi: www.e-maik.my Email: maik@e-maik.my